

1981

GENTING HIGHLANDS, 20 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SESIAPA SAHAJA, TERMASUK PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB), BOLEH MEMBELI SAHAM SYARIKAT-SYARIKAT JIKA ADA TAWARAN UNTUK DIJUAL.

JIKA ADA PERATURAN BAHAWA PNB KHUSUSNYA TIDAK BOLEH MEMBELI SAHAM-SAHAM ITU MAKA TIDAKLAH BOLEH IA BERBUAT DEMIKIAN, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN FORUM PELANCONGAN ASEAN SELAMA SEMINGGU DI SINI.

BELIAU MENGULAS TAWARAN SUBUH HARI OLEH PNB DI PASARAN SAHAM LONDON UNTUK MEMBELI SAHAM AMALGAMATED METAL CORPORATION, SYARIKAT BRITISH YANG MENGUASAI DATUK KERAMAT HOLDINGS.

BULAN LALU PNB, SEBUAH SYARIKAT INDUK YANG BERTANGGUNGJAWAB TENTANG PELABURAN YAYASAN PELABURAN BUMIPUTERA, BERJAYA MENGAMBIL ALIH SAHAM-SAHAM GUTHRIE CORPORATION DI PASARAN SAHAM TERBUKA.

DALAM USAHA MENYEKAT PENGAMBILALIHAN SEPERTI ITU, PASARAN SAHAM UNITED KINGDOM BARU-SARU MENGETATKAN PERATURAN BERHUBUNG DENGAN KECIATAN PASARAN SAHAM LONDON. — BERSAMBUNG 1940/

MAHATHIR-PNB 2 GENTING HIGHLANDS

KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DILIHAT OLEH PIHAK-PIHAK BANK SEBAGAI DIARANKAN TERHADAP PERATURAN ITU.

KATA BELIAU TIDAK PERLU BAGI SESIAPA UNTUK MERASA BIMEANG, +KEBIMBANGAN ITU NANYA DIADA-ADAKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR BRITISH KERANA MEREKA MERASA SAKIT HATI + YAMBANYA.

+MEREKA TELAH MEMEGANG SAHAM-SAHAM ITU UNTUK SELAMA 150 TAHUN DAN TELAH TIBA MASANYA UNTUK BERPINDAH TANGAN, + TEGAS BELIAU MUNGKIN MERUJUK KEPADA PENGAMBILALIHAN GUTHRIE CORPORATION.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PEMBELIAN SAHAM-SAHAM DI ENGLAND TIDAK BERMAKNA MALAYSIA MENUKAR DASAR PELABURAN-NYA.

MALAYSIA, KATANYA, TIDAK BERNIAT UNTUK MENUKAR DASAR-DASAR PELABURANNYA.

+SAYA TELAH MENGULANGI INI BERKALI-KALI DAN TIDAK ADA SEBAB UNTUK MERASA BIMEANG, + KATA BELIAU.

SEMENTARA ITU, PIHAK-PIHAK BANK TELAH MENKRITIK LANGKAH PIHAK BERKUASA UNITED KINGDOM MENJADIKAN SATU KESALAHAN JENAYAH BAGI INDIVIDU BERTINDAK SECARA BERKUMPUL UNTUK MENDAPATKAN LEBIH DARI LIMA PERATUS SAHAM SESEBUAH SYARIKAT U.K. TANPA MENJELASKAN KEDUDUKAN MEREKA.

— BERSAMBUNG 1945/SZ

B646 MAHATHIR-PNB 3 GENTING HIGHLANDS

SEORANG AHLI BANK BERKATA, DALAM IKLIM PERNIAGAAN, PENGAMBILALIHAN SESEBUAH SYARIKAT MENERUSI PEMBELIAN SAHAM TIDAK HARUS DIJADIKAN SATU KESALAHAN JENAYAH.

BELIAU BERKATA PENGEDARAN BAHAWA SEKUMPULAN ORANG SEDANG CUBA UNTUK MENGAMBILALIH SESEBUAH SYARIKAT MUNGKIN MENYEBABKAN HARCA SAHAM SYARIKAT ITU MELAMBUNG KE PERINGKAT YANG TIDAK REALISTIK.

SEORANG LAGI AHLI BANK BERKATA ADALAH ADIL BAHAWA SESEORANG YANG MEMPUNYAI WANG UNTUK DILABUR BERCADANG MEMBELI SAHAM DALAM SESEBUAH SYARIKAT, SATU SUMBER BANK MENSIFATKAN UNDANG-UNDANG YANG DICADANGKAN ITU SEBAGAI +REAKSI BERLEBIHAN+ DAN BERKATA PIHAK BERKUASA BRITISH TIDAK HARUS BERSIKAP MELINDUNGI APABILA PIHAK-PIHAK ASING INGIN MEMBELI SEBAHAGIAN DARI SAHAM SYARIKAT NEGARA ITU.

— BERNAMA 1950/SZ